



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Kajian am industri padi, beras dijangka siap bulan ini

Sedia maklumat isu permasalahan pengeluaran rendah, dakwaan wujud kartel

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan kajian am membabitkan industri padi dan beras di negara ini oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dijangka siap bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata kajian itu dijangka menyediakan maklumat berhubung isu permasalahan industri padi dan

beras, selain isu pengeluaran rendah dan dakwaan kewujudan kartel.

"Kita tidak menyiasat kartel padi dan beras, namun dalam aspek ini kita menyediakan kajian am terhadap industri terbabit.

"Antara inti patinya ialah isu permasalahan industri, mengapa penghasilannya rendah, mana pergi beras tempatan dan dakwaan kartel," katanya selepas taklimat media, semalam.

Pada masa sama, Iskandar berkata, apabila kajian itu siap kelak, ia akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) terlebih dahulu.

"Selepas itu kita akan bentangkan pula kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berikutnya pihak kementerian yang akan memutuskan berhubung

pelaksanaan dasar terhadap industri itu," katanya.

Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata kerjasama dengan MyCC adalah membabitkan siasatan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Julai lalu, KPBM mengesahkan MyCC masih menjalankan

kajian terhadap industri padi dan beras di dalam negara termasuk berhubung dakwaan wujud kartel dalam industri itu.

KPKM dilaporkan tidak akan mencampuri sebarang urusan kajian yang dilakukan oleh MyCC dan memberikan segala maklumat dan maklum balas lanjut dari semasa ke semasa kepada pihak MyCC.

Sinxat 12 kes tiga bidaan

Dalam perkembangan lain, Iskandar berkata, MyCC kini sedang menyiasat 12 kes penipuan bidaan membabitkan 476 syarikat.

Beliau berkata, nilai bidaan itu adalah membabitkan RM3.32 bilion.

"Sementara dalam aspek aduan penipuan bidaan, MyCC menerima 24 aduan membabitkan 444 syarikat dengan nilai bidaan RM9.2 bilion," katanya.

Beliau berkata, pihaknya melihat kesedaran dalam kalangan agensi kerajaan semakin tinggi berhubung isu kesalahan berkaitan persaingan ini.

"Ini kerana katanya, kebanyakannya aduan yang diterima adalah disalurkan daripada agensi kerajaan.

"Ia susulan kita melaksanakan lebih 200 program kesedaran dalam kalangan agensi kerajaan," katanya.

Apabila kajian itu siap kelak, ia akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) terlebih dahulu.

*Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai
Eksekutif MyCC*





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SG4 beri peluang penyertaan kepada negeri lain

Kota Bharu: Syarikat State Government (SG4) Group Sdn Bhd yang ditubuhkan empat negeri ditadbir pembangkang terbuka kepada mana-mana negeri yang berminat menyertainya.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, memaklumkan syarikat berkenaan juga tidak mengikat mana-mana negeri dan mereka bebas untuk membuat keputusan sama ada kekal atau sebaliknya, dalam syarikat berkenaan.

"Perlu faham SG4 Sdn Bhd ini satu syarikat yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bila tubuh syarikat sudah tentu ada pemegang saham dan mereka boleh keluar bila-bila masa sahaja daripada syarikat berkenaan, sekiranya tidak mahu terus kekal.

"Malah, ia juga terbuka sekiranya mana-mana negeri lain yang turut berminat untuk menyertai syarikat berkenaan. Setakat ini, hanya empat negeri yang berada dalam syarikat berkenaan.

"Andai kata sekiranya ada di kalangan empat negeri ini bertukar parti sekalipun, sekiranya mereka masih mahu kekal dengan SG4, itu tidak ada masalah," katanya, di sini semalam.

Mengulas lanjut Takiyuddin berkata, keuntungan hasil syarikat terbabit akan diberikan sama rata.

"Agihan keuntungan itu membabitkan perniagaan baharu dan sedia ada membabitkan lima kluster perniagaan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan empat negeri yang ditadbir pembangkang iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menubuhkan sebuah syarikat bagi membolehkan hasil yang diperoleh negeri berkenaan diagihkan secara saksama.

Bekas Perdana Menteri yang juga Ketua Panel Penasihat State Government 4 (SG4), Tun Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata SG4 Group Sdn Bhd itu akan memberi fokus kepada lima kluster ekonomi, dengan setiap negeri mempunyai pegangan ekuiti 25 peratus.

Beliau berkata, kluster berkenaan ialah infrastruktur dan logistik; perdagangan, pelaburan dan industri; pertanian dan sekuriti makanan; pendidikan dan modal insan serta sumber pendapatan baharu.

Susulan itu, Ahli Majlis Kerja Tinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi menyifatkan penuhuhan syarikat SG4 Group Sdn Bhd yang dimiliki empat negeri pembangkang bersifat politik.

Representasi Adam Radlan ditolak, bicara bersambung

KUALA LUMPUR: Jabatan Pemohon Negara (AGC) menolak representasi Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad untuk menyemak semula atau menggugurkan lima pertuduhan rasuah berhubung projek Jana Wibawa dan tujuh kes pengubahan wang haram (AMLA).

Timbalan Pendakwa Raya, Farah Yasmin Salleh memaklumkan perkara itu ketika sebutan kes semalam di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Peguam bela, Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan, 43, kemudian memaklumkan kepada mahkamah pihaknya bersedia meneruskan soal balas saksi pertama pendakwaan.

“Representasi yang dikemukakan adalah untuk mencadangkan penyelesaian kes tersebut tetapi tidak dapat didedahkan secara terperinci,” katanya.

Suzana kemudian menetapkan kes Adam Radlan dibicarakan pada 13 November seperti yang dijadualkan sebelum ini.

Pada 9 Julai lalu, pembelaan memaklumkan pihaknya telah menghantar representasi berkenaan selepas saksi, Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), R. Harshini selesai memberi keterangan pada pemeriksaan utama.

Adam Radlan didakwa meminta suapan wang tunai 3.5 hingga tujuh peratus daripada nilai projek yang akan diper-



ADAM RADLAN

oleh daripada Mat Jusoh yang merupakan Pengarah Urusan syarikat MIE Infrastructure & Energy.

Dia turut didakwa menerima suapan RM500,000 daripada individu sama sebagai upah kerana membantu syarikat itu mendapatkan surat sama bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada kerajaan yang jumlah keseluruhannya bernilai RM47.8 juta.

Adam Radlan juga menghadapi tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta daripada Tian Chuan dan Mat Jusoh sebagai upah bagi tertuduh membantu syarikat Nepturis Sdn. Bhd. serta MIE Infrastructure & Energy mendapatkan dua projek Jana Wibawa dan juga secara rasuah, meminta wang RM2 juta daripada Tian Chuan.

Rasuah, pengubahan wang haram: AGC tolak representasi Adam Radlan

KUALA LUMPUR: Jabatan PEGUAM NEGARA (AGC) menolak representasi dikemukakan Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut Adam Radlan Adam Muhammad berhubung 12 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan projek Jana Wibawa yang dihadapinya.

Timbalan Pendakwa Raya Farah Yasmin Salleh memaklumkan kepada Hakim Mahkamah Sesyen Suzana Hussin bahawa AGC menolak representasi itu yang diserahkan kepadanya pada 4 Julai lepas.

"Hari ini ditetapkan sebutan untuk mengetahui keputusan representasi yang dihantar pihak pembelaan dan ia telah dikemukakan kepada AGC dan keputusannya adalah ditolak," kata Farah Yasmin.

Sementara itu, peguam Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan, 43, berkata mahkamah sebelum ini telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 13 Nov ini dan pihak pembelaan akan meneruskan dengan pemeriksaan balas terhadap saksi pendakwaan pertama iaitu Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) R. Harshini.

Suzana kemudian mengekalkan tarikh perbicaraan pada 13 Nov.

Pada 9 Julai lepas, Harshini memberi keterangan pada hari pertama perbicaraan kes Adam Radlan yang berdepan lima pertuduhan rasuah dan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram.

Mengikut pertuduhan, Adam Radlan didakwa kerana meminta suapan wang tunai 3.5 hingga tujuh peratus daripada nilai projek yang akan diperoleh daripada Mat Jusoh Mamad yang merupakan Penggarah Urusan MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd.

Dia turut didakwa menerima suapan RM500,000 daripada individu sama sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan surat sama bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada kerajaan secara rundingan terus yang jumlah keseluruhannya bernilai RM47.8 juta.

Adam Radlan juga menghadapi tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta daripada Lian Tian Chuan dan Mat Jusoh, sebagai upah tertuduh membantu Nepturis Sdn Bhd serta MIE Infrastructure & Energy mendapatkan dua projek Jana Wibawa dan juga secara rasuah, meminta wang RM2 juta daripada Lian, sebagai upah membantu syarikat Nepturis mendapatkan projek sama.

Kesemua pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan. -Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 SEPTEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Sep	Kajian am industri beras siap bulan ini - MyCC	https://www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2024/09/1293920/ kajian-am-industri-beras-siap-bulan-ini-mycc	BERITA HARIAN
5-Sep	KPDN gagalkan cubaan seleweng diesel di Bayan Lepas	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/ kpdn-gagalkan-cubaan- seleweng-diesel-di-bayan- lepas	BERITA RTM